



01 JUN, 2026

44 sekuriti kini dalam senarai patuh Syariah

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

44 sekuriti kini dalam senarai patuh Syariah

Empire Premium Food, Sunway Healthcare sertai senarai terkini dengan penanda aras diperkukuh

Oleh Mahanum Abdul Aziz
 mahanum_aziz@bh.com.my

Empire Premium Food Bhd dan **Sunway Healthcare Holdings Bhd** kini berada dalam senarai sekuriti patuh Syariah yang berkuat kuasa Jumaat lalu.

Dalam semakan berkala terbaharu oleh Majlis Penasihat Syariah (SAC) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), sebanyak 44 sekuriti diklasifikasikan sebagai sekuriti patuh Syariah, manakala 18 sekuriti diklasifikasikan sebagai tidak patuh Syariah.

Senarai semakan terkini itu juga merangkumi syarikat pembuatan, teknologi, produk dan perkhidmatan perindustrian, produk pengguna, pembinaan, hartanah, teknologi solar dan digital.

Ia sekali gus mencerminkan dinamisme ekonomi dan pematuhan yang lebih kukuh kepada penanda aras aktiviti kewangan dan perniagaan Syariah.

Pengarah Penyelidik BIMB Securities, Mohd Redza Abdul Rah-



Mohd Redza



Empire Premium Food antara 44 sekuriti disenaraikan sebagai patuh Syariah.

man menyifatkan senarai yang luas itu mencerminkan pertumbuhan pelbagai sektor yang memacu bursa.

Beliau berkata, ia merangkumi bidang tumpuan penting, termasuk syarikat yang membuat tawaran awam permulaan (IPO) baru-baru ini seperti syarikat teknologi bernilai tinggi, SkyeChip Bhd dan pengendali kapal tangki produk petroleum bersih terbesar, Orkim Bhd.

Menurutnya, ia juga termasuk peneraju dalam perkhidmatan penghantar frekuensi tinggi, jarak dekat dan logistik maritim bersepadu, MTT Shipping and Logistics Bhd dan penyenggaraan penjagaan kesihatan bernilai berbilion ringgit, Sunway Healthcare.

Katanya, senarai semakan semula terkini itu juga mengandun-

gi pengembalian sekuriti yang mematuhi Syariah sebelum ini seperti Advance Information Marketing Bhd, BTM Resources Bhd, Johan Holdings Bhd, Imaspro Corporation Bhd, Malayan Flour Mills Bhd, Malayan United Industries Bhd, Southern Steel Bhd dan Supermax Corporation Bhd.

"Kami melihat penambahan ini secara positif. Selain SkyeChip, MTT Logistics dan Orkim ke dalam rangkaian kami baru-baru ini, kami juga akan menyambung semula liputan aktif untuk Supermax, yang dikelaskan semula sebagai syarikat patuh Syariah dalam semakan kali ini," katanya dalam nota penyelidikannya.

18 syarikat tak patuh syariah

Sebanyak 18 syarikat dianggap sebagai tidak patuh Syariah pula kebanyakannya terdiri daripada syarikat dalam sektor teknologi (teknologi maklumat/digital), perindustrian, pembinaan dan logistik. Antaranya ialah Associated

Air-Pak Industries Bhd; Ni Hsin Group Bhd; Ho Hup Construction Company Bhd; Nova MSC Bhd; Foodie Media Bhd; PTT Synergy Group Bhd dan Globetronics Technology Bhd.

Mohd Redza berkata, tiada syarikat di bawah liputan BIMB Securities, termasuk dalam senarai sekuriti bukan patuh Syariah itu.

Apa yang menarik perhatian ialah pengenalan penanda aras tunggal lima peratus yang lebih ketat bagi aktiviti perniagaan.

Sebelum ini, syarikat mempunyai sedikit kelonggaran dengan had 20 peratus untuk aktiviti tertentu, namun kini semua aktiviti tidak patuh Syariah mesti berada di bawah paras lima peratus.

Menurut Mohd Redza, langkah itu menjadikan standard patuh Syariah Malaysia lebih telus dan sejajar dengan kehendak pelabur institusi yang mahukan tadbir urus yang lebih telus serta patuh alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).



01 JUN, 2026

44 sekuriti kini dalam senarai patuh Syariah

Berita Harian, Malaysia

SUMMARIES

Empire Premium Food, Sunway Healthcare sertai senarai terkini dengan penanda aras diperkukuh
mahanum aziz@bh.com.my

Empire Premium Food Bhd dan Sunway Healthcare Holdings Bhd kini berada dalam senarai sekuriti patuh Syariah yang berkuat kuasa Jumaat lalu. Dalam semakan berkala terbaharu oleh Majlis Penasihat Syariah (SAC) Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), sebanyak 44 sekuriti diklasifikasikan sebagai se-
kuriti patuh Syariah, manakala 18 sekuriti diklasifikasikan sebagai tidak patuh Syariah.